

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PENYAMPAIAN DIPLOMA MAKTAB TURUS
ANGKATAN TENTERA DI KEMENTERIAN
PERTAHANAN, KUALA LUMPUR PADA
29^{HB} NOVEMBER, 1974

Y.B. Datuk Haji Zulkifli, Timbalan Menteri Pertahanan, Jen. Tan Sri Ibrahim, Tan Sri Samad, Ketua-ketua Turus, Saudara-saudara sekalian.

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dapat hadir bersama di upacara Penyampaian Diploma kepada para graduan pagi ini. Saya juga mengucapkan terimakasih dan penghargaan tinggi saya atas penghormatan yang telah diberikan kepada saya sebentar tadi.

Saya suka mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada para peserta atas kejayaan yang telah dicapai dan saya berharap supaya segala pelajaran dan pengetahuan yang diperolehi semasa setahun di maktab ini akan dapat diguna dan diamalkan dalam menjalankan tugas dan kewajipan sehari-hari. Saya yakin latihan ini telah melengkapkan serta meluaskan lagi pengetahuan serta pandangan dan pemikiran bagi membolehkan saudara-saudara menjalankan tanggungjawab saudara-saudara dengan lebih berkesan.

Saudara-saudara sekalian.

Maktab Turus Angkatan Tentera ini merupakan pusat latihan tertinggi di negara ini bagi melengkapkan pegawai-pegawai tentera, polis dan awam dengan pengetahuan dan ilmu pendidikan, pengurusan dan pimpinan supaya mereka boleh menjadi penganjur dan pengurus yang lebih cekap dan jujur. Dengan adanya Maktab ini kita tidak lagi semata-mata bergantung kepada negara-negara asing untuk melatih pegawai-pegawai kanan kita. Saya harap Maktab Turus Tentera ini akan dapat mengeluarkan lebih ramai lagi pegawai yang berkaliber, cekap dan jujur, yang bukan sahaja mahir dalam ilmu pengetahuan ketenteraan tetapi juga benar-benar faham mengenai keadaan politik pembangunan negara dan pembentukan masyarakat baru. Dengan jalan ini pegawai-pegawai ini bolehlah menjadi ketua atau pemimpin yang berhemah tinggi

dan dapat memainkan peranan yang lebih penting lagi terutama dalam melaksanakan dasar-dasar Kerajaan serta kehendak dan hasrat rakyat.

Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, kita banyak menghadapi dugaan dan cabaran, tetapi saya yakin dengan ketabahan dan kejujuran disertai pula dengan semangat yang kuat dan disiplin yang ketat anggota tentera dapat menjalankan tugas-tugas dan kewajipan mereka dengan lebih licin dan sempurna.

Saudara-saudara sekalian.

Pada hemat saya faktor utama untuk mengekalkan kecekapan dalam tentera ialah disiplin dan dedikasi. Disiplin dan semangat didikasi ini dapat dipupuk dan disuburkan dengan beberapa cara. Selain dari latihan rohani dan jasmani, contoh dan tauladan adalah perlu. Jadi suka saya menegaskan di sini pentingnya pegawai-pegawai tentera terutamanya pegawai-pegawai kanan menunjukkan contoh tauladan yang baik kepada pegawai-pegawai di bawah jagaan mereka. Mereka haruslah menunjukkan semangat kepimpinan yang jujur dan adil. Dengan yang demikian, mereka akan dapat kepercayaan anggota-anggota yang di bawah perintah mereka. Saya selalu sebutkan kerap kali dan saya suka mengulangi perkataan Napoleon "There are no bad battalions; there are only bad Commanders". Kalau kita dapat memberi pimpinan yang sempurna dan kita sendiri patuh kepada arahan-arahan yang telah kita keluarkan, dengan sendirinya orang lain juga akan menghormati kita.

Saudara-saudara sekalian.

Saya suka menyebutkan pula di sini perkembangan-perkembangan yang akan dihadapi oleh angkatan tentera kita. Dalam tahun-tahun tujuh puluhan yang akan datang ini, Angkatan Tentera pada amnya akan menempuh satu masa "consolidation" di mana langkah-langkah sedang dan akan diambil adalah bertujuan supaya Angkatan Tentera dapat melangkah ke arah satu darjah berdikari dan mempunyai kekuatan yang cukup untuk mempertahankan negara dan bersesuaian dengan kemampuan negara.

Tentera Darat telah memulakan rancangan menukar peralatannya. Antara projek besar ialah memeralatkan semula Pasukan

Peninjau Diraja dengan kenderaan Komando V150 yang dilengkapi dengan senjata moden. Di samping itu projek-projek besar yang telah disiapkan ialah dua kompleks Markas Briged di Kuantan dan Kuching; lima Kompleks batalion di Sungai Ara (Pulau Pinang), Kuala Trengganu, Miri, Sandakan, Sibul, Sungai Besi dan Kuching untuk pasukan-pasukan Batalion Infantri, Rejimen Peninjau Diraja dan Rejimen Semboyan.

Seterusnya dalam masa Rancangan Malaysia Ketiga beberapa projek lagi akan dapat disiapkan. Antara projek-projek besar yang akan disiapkan ialah tiga kompleks Markas Briged di Kota Bharu, Ipoh dan Lok Kawi (Sabah); empat kompleks batalion iaitu dua kompleks di Kampung Bukit China (Kelantan), satu di Simanggang dan satu di Kuala Lipis.

Tentera Udara Diraja Malaysia pula akan menerima beberapa jenis pesawat terbang dalam tahun-tahun tujuh puluhan yang akan datang ini. Pesawat terbang pejuang F5E dijangka akan mula diterima oleh TUDM pada bulan Mac atau April, 1975. Penerimaan semua pesawat terbang itu dijangka akan selesai pada akhir tahun itu juga. Adalah diharap dalam tahun berikutnya (1976) Skuadron F5E itu akan mencapai darjah "operational status". Ini adalah satu kemajuan kepada TUDM kerana dengan adanya Skuadron itu, TUDM telah memasuki satu bidang pertahanan yang baru, iaitu bidang pertahanan udara (air defence) yang "sophisticated" yang memerlukan pengetahuan sains dan teknologi.

Bagi Tentera Laut Diraja Malaysia pula, projek besar membina Pengkalan Laut di Lumut dijangka siap dalam tahun 1980/81. Dengan siapnya Pengkalan TLDM di Lumut itu, TLDM mencapai satu taraf berdikari di mana ia akan melatih hampir semua anggota-anggota yang diperlukannya dan meyelenggara kapal-kapal di "dockyard"nya sendiri.

Saudara-saudara sekalian.

Dalam bidang latihan, saya berpuashati melihat makin banyak kursus dijalankan di tempat-tempat latihan di negara kita. Yang sangat membanggakan sekali ialah taraf pelajaran dan kualiti kursus-kursus tentera yang dijalankan pada amnya adalah tidak kurang baiknya dari yang terdapat di luar negeri. Ini patutlah diberi pujian memandangkan bahawa pegawai-pegawai yang merancang dan melaksanakan latihan dan kursus adalah muda dan juga kemudahan-kemudahan adalah terhad.

Sungguhpun kita telah mula mengadakan kemudahan-kemudahan latihan tentera di negara kita sendiri, ini tidaklah pula bererti bahawa kita tidak akan menghantar pegawai-pegawai dan anggota-anggota tentera untuk berlatih atau berkursus di luar negeri. Dari masa ke masa, kita akan menghantar mereka ke luar negeri untuk latihan atau kursus yang tidak terdapat di negara kita kerana kekurangan kemudahan, khasnya di bidang latihan teknikal yang "specialist" dan "advanced". Dengan demikian, dapatlah Angkatan Tentera kita mempelajari kemajuan-kemajuan yang berlaku di luar negeri.

Saudara-saudara sekalian,

Semua langkah-langkah dan projek-projek yang dijalankan dan akan dilaksanakan pada masa hadapan adalah bertujuan memberi seberapa banyak kemudahan yang boleh. Langkah-langkah dan projek-projek itu adalah merupakan "process consolidation". Saya yakin melalui proses ini Angkatan Tentera, dari masa ke masa, akan berjaya mencapai mutu dan taraf "professionalism" yang lebih tinggi, dan dengan demikian akan dapat pula melaksanakan dengan sepenuhnya tugas-tugas yang diamanahkan oleh negara kepada Angkatan Tentera.

Bagi mengakhiri ucapan saya ini, saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pegawai-pegawai yang telah berjaya dalam kursus tahun ini, dan Selamat Bertugas.